

TARIKH	KHAMIS, 24 JUN 2021
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	DUNIA PENYELIDIKAN UJI KEMAMPUAN CHANTARA
M/S	27
BIDANG	NUKLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	TS. DR. CHANTARA THEVY, RESEARCHER

# Dunia penyelidikan uji kemampuan Chantara

Penerima Top Research Scientist Malaysia 2013, 2019 mahu terus kongsi kepakaran

Oleh Siti Hafiza Yusop  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyertaan wanita dalam dunia penyelidikan sains dan teknologi yang memiliki nilai dalam konteks pembangunan ilmu serta ketamadunan menuntut semangat juang tinggi untuk memastikan mereka terus relevan dalam industri itu.

Pengarah Kanan Pengurusan dan Penyelidik Agensi Nuklear Malaysia, Dr Chantara Thevy Ratnam, berkata tidak semua penyelidikan berhasil dan tanpa semangat juang yang tinggi, ia mungkin mampu dilakukan sebarang jalan.

Beliau pernah berhadapan pengalaman mengecewakan apabila kajian bahan polimer dilakukannya selama lima tahun untuk digunakan pesakit buah pinggang untuk dialisis tidak berjaya dikomersialkan.

"Formulasi dihasilkan serasi dengan sinaran mengion membolehkan bahan polimer digunakan tidak berubah sifat apabila dinyahkuman melalui teknik penyinaran dan ujian ketoksikan sudah dilakukan.



Chantara Chevy tidak berhenti buat penyelidikan untuk pencapaian diri sendiri dan menyumbang kepada komuniti.

"Tetapi ujian klinikal tidak dapat dibuat kerana kekangan peruntukan sedangkan bagi kajian perubatan, sampel perlu dihasilkan dengan banyak seperti dilakukan pihak industri bagi membolehkan ia digunakan bagi tujuan klinikal," katanya.

Di sini perlu ampuh semangat dan tidak mustahil dengan adanya sifat itu, Chantara Thevy dinamakan sebagai *Top Research Scientist Malaysia* pada 2013 dan 2019.

Dedikasinya juga terbalas apabila kajian bahan polimer yang boleh dinyahkuman itu dinobatkan sebagai penerima hadiah Hadiah Grand Prix pada Pameran

dan Reka Cipta Antarabangsa Ke-34 di Geneva, Switzerland pada 2006.

Penyelidikan bertajuk *Radiation Sterilizable PVC Compounds for Medical Applications* itu dipilih antara ribuan inovasi yang dihasilkan 70 negara peserta.

Anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan itu berkata, beliau sentiasa mengingatkan dirinya supaya tidak berhenti membuat penyelidikan untuk pencapaian diri sendiri dan menyumbang kepada komuniti.

Serakat ini, sebanyak 12 hasil penyelidikannya sudah dipatenkan, selain penyelidikan dan pembangunan (R&D) diterbitkan

sebagai jurnal dan pembentangan dalam pelbagai persidangan peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Menghusus dalam kajian polimer dan kitaran semula dalam perubatan, katanya, budaya pengomersialan masih rendah di negara ini.

"Antara faktornya disebabkan kurang bersedia dalam kalangan pihak industri untuk membuat perubahan.

"Industri multinasional misalnya, mungkin terbiasa dengan produk hasil penyelidikan luar negara berbanding penyelidikan tempatan," katanya.

Meskipun kini berada dalam barisan pengurusan tertinggi Agensi Nuklear Malaysia, namun penyelidikan yang sudah sebatu dengan dirinya menyebabkan beliau tidak mungkin dapat meninggalkannya.

Ibu kepada dua cahaya mata itu kini mengusahakan penyelidikan antarabangsa bersama Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) berkaitan penggunaan teknologi nuklear untuk pengitaran semula bahan polimer.

"Saya terbahit sebagai ketua projek dan berharap ia dikomersialkan dan memberi impak besar dalam aspek pengitaran semula bahan dan teknik penyinaran," katanya.

Mengulas mengenai cabaran pembabitan wanita dalam penyelidikan, beliau berkata, mereka perlu menyeimbangkan antara penyelidikan berbentuk intelektual dengan pengomersialan.

Wanita katanya, mempunyai

Dunia penyelidikan bukan hanya dalam makmal, ruang lingkungannya lebih luas, justeru bersedia untuk teroka dunia luar untuk lebih berjaya dalam penyelidikan

Chantara Thevy Ratnam, Pengarah Kanan Pengurusan dan Penyelidik Agensi Nuklear Malaysia



potensi mencapai tahap tinggi dalam penyelidikan dan kerjaya serta sentiasa bersedia berdepan cabaran.

"Dunia penyelidikan bukan hanya dalam makmal, ruang lingkungannya lebih luas, justeru bersedia untuk meneroka dunia luar untuk lebih berjaya dalam penyelidikan.

"Sekarang lebih ramai wanita menceburi bidang ini. Bagi wanita berkerjaya, mengimbangi keluarga dan kerjaya adalah cabaran besar, justeru perlu bijak urus kedua-duanya," katanya.

Selepas 29 tahun bersama Agensi Nuklear Malaysia, Chantara Chevy akan bersara wajib pada 1 Julai ini.

Meskipun selepas menamatkan perkhidmatan, beliau mengakui tidak mungkin mudah untuk melupakan bidang penyelidikan sains dan teknologi yang sudah sebatu sebagai sebahagian darah dagingnya.

"Saya akan terus menyumbang kepakaran, termasuk dari segi pementoran, latihan dan khidmat pakar dalam bidang ini. Selepas lebih tiga dekad, tidak mungkin saya berpisah sepenuhnya, walaupun bersara," katanya.